

Mangsa banjir di Sabah meningkat, Sarawak, Perak menurun

KUALA LUMPUR - Jumlah mangsa banjir di Sabah setakat 6 petang semalam meningkat kepada 1,352 orang berbanding 1,131 orang tengah hari.

Jumlah mangsa banjir di Beaufort kini seramai 706 orang daripada 243 keluarga di satu pusat pemindahan, manakala di Membakut seramai 324 orang daripada 109 keluarga di dua pusat pemindahan.

Di Tenom, jumlah mangsa banjir ialah seramai 262 orang daripada 75 keluarga di lima pusat pemindahan, manakala Sipitang seramai 60 orang daripada 13 keluarga di satu pusat pemindahan.

Jumlah mangsa banjir di **SARAWAK** mencatatkan penurunan kepada 6,249 orang berbanding 6,350 orang pada tengah hari semalam dan jumlah pusat pemindahan juga berkurangan daripada 42 kepada 37.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak berkata jumlah mangsa banjir di Kuching turun kepada 3,373 berbanding 3,396 tengah hari semalam, dengan dua pusat pemindahan ditutup.

Beliau berkata sejak tengah malam semalam, enam pusat pemindahan banjir sudah ditutup di Kuching.

Jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan di Samarahan dan Limbang kekal iaitu masing-masing 1,598 di 11 pusat pemindahan dan 1,244 di lima pusat pemindahan manakala di Mukah 34 orang di satu pusat pemindahan.

Katanya, beberapa jalan utama sekitar Slabi di daerah Serian ditutup kepada lalu lintas.

Di PERAK, jumlah mangsa banjir menurun kepada 77 orang daripada 18 keluarga berbanding 78 orang daripada 19 keluarga di dua pusat pemindahan banjir tengah hari semalam.

Jurucakap MKN Perak berkata jumlah mangsa banjir di Perak Tengah sebanyak 43 orang manakala di Hulu Perak 34 orang.

Di KELANTAN, jurucakap MKN negeri berkata, jumlah mangsa banjir kekal 255 orang melibatkan 62 keluarga yang ditempatkan di lapan pusat pemindahan di Kuala Krai ekoran rumah mereka hanyut atau rosak akibat banjir. - Bernama